

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.8 HINGGA 49 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO: 8

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : ISNIN, 3 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : L7 [PR-1323-L65240]**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan status Kg. Chubadak Tambahan serta kampung-kampung lain di Wilayah Persekutuan.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Raja, sebahagian Kg. Chubadak Tambahan (Lot PT 5748) adalah tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Tapak setingan ini terlibat dengan cadangan pembangunan 500 unit PPR oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagi kampung-kampung lain di Wilayah Persekutuan, setiap pembangunan yang ingin dilaksanakan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memaklumkan kepada penduduk yang terlibat melalui *sesi public engagement*.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014

**SOALAN:**

**Dato' Hasbullah bin Osman**

[ Gerik ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan usaha-usaha memperkasakan penguatkuasaan undang-undang serta pemantauan secara berkala untuk memastikan kualiti air ekoran kelulusan dan aktiviti perlombongan bijih timah yang luas di Kelian Intan khususnya dalam Parlimen Gerik menyebabkan kemusnahan secara besar-besaran hidupan dalam sungai utama dalam kawasan tersebut.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kelian Intan, terdapat beberapa aktiviti ekonomi lain selain perlombongan dan pemprosesan mineral. Bagi mengawal selia aktiviti perlombongan dan pemprosesan mineral, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil tindakan berikut:

- i. Meningkatkan kekerapan pemeriksaan aktiviti perlombongan;
- ii. Menjalankan persampelan efluen lombong di alur limbah secara berkala dan mengejut;
- iii. Menjalankan persampelan efluen di jajaran Sg. Rui secara berkala dan mengejut;
- iv. Mengarahkan pelombong mengemukakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan*);
- v. Mengarahkan pelombong melakukan persampelan efluen di alur limbah secara berkala setiap hari bagi mengetahui tahap keasidan; dan

- vi. Menjalankan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

Akta Pembangunan Mineral 1994 memperuntukkan kuasa kepada JMG untuk mengawalselia aktiviti perlombongan meliputi operasi pengekstrakan mineral, pemprosesan mineral, pengangkutan dan pembuangan hampas serta effluen.

Pihak Kementerian juga mengambil tindakan untuk menyemak dan menggubal peraturan-peraturan bagi memperkasakan penguatkuasaan. Peraturan-peraturan baru yang telah diluluskan ialah:

- i. Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Peletupan) 2013; dan
- ii. Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Keselamatan Semasa Penjelajahan dan Di Lombong Permukaan) 2014.

Sekian, terima kasih.